

15/06/2001

Ideologi supra-nasional hakis semangat patriotisme

Salbiah Ani

PATRIOTISME semakin kerap diperkatakan sekalipun Malaysia sudah mencapai kemerdekaan sejak 1957 dan kekerapan itu menimbulkan tanda tanya apakah semangat sayangkan negara sudah menipis daripada sanubari rakyat Malaysia.

Bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan juga penerima ijazah doktor kehormat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Kassim Ahmad, menegaskan penekanan kepada patriotisme kini semakin penting.

"Perpecahan sudah mula menular di negara ini dan Malaysia berdepan dengan bahaya dijajah semula, maka patriotisme menjadi semakin penting supaya rakyat sedar akan ancaman itu," katanya.

Beliau adalah salah seorang ahli panel dalam wacana Islam dan Patriotisme: Mencari Nilai-Nilai Kukuh Untuk Perpaduan yang berlangsung di Sudut Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), baru-baru ini.

Wacana dalam Siri Dialog Budaya anjuran Berita Harian, DBP dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) dengan kerjasama Balai Seni Lukis Negara (BLNS), turut dihadiri Timbalan Presiden Pena, Datuk Baharuddin Zainal.

Siri Dialog Budaya kali kelima ini turut menampilkan Timbalan Rektor, Universiti Islam Antarabangsa (Hal-Ehwal Pelajar dan Disiplin) (UIA), Dr Sidek Baba, sebagai ahli panel dan ia dipengerusikan Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM, Prof Madya Dr Syarifah Zaleha Syed Hassan.

Dr Kassim menggesa supaya perhatian diberikan kepada dua perkembangan baru iaitu gerakan Islam antarabangsa dan ideologi supra-nasional yang turut memberi kesan kepada negara ini.

"Gerakan Islam antarabangsa mentafsir Islam sebagai antinasionalisme dan nasionalisme sebagai faham asabiah, mengajar anak memakai pakaian Arab dengan alasan ia sunnah nabi.

"Mereka bermain mata, malah bersekongkol dengan penjajah baru untuk menggulingkan kerajaan pimpinan Dr Mahathir Mohammad. Mereka tidak kenal siapa kawan, siapa lawan dan menyibar fitnah serta pembohongan untuk mencapai cita-cita politik," katanya.

Beliau berkata, Islam yang sepatutnya adalah satu fahaman dan falsafah yang perlu dipelajari untuk dimengerti dan dihayati umatnya, menjadi agama diwarisi turun-temurun di negara ini.

Sekalipun seseorang itu khatam tiga kali, kitab suci al-Quran dibaca tanpa dimengertikan maksudnya, sehingga ia seolah-olah menjadi mantera dan azimat, bukannya satu panduan hidup.

Dr Kassim meletakkan nabi Muhammad saw sebagai tokoh yang bertanggungjawab menguruskan masyarakat negara - bangsa pertama dalam sejarah manusia apabila beliau memberikan Perlembagaan Madinah kepada penduduk bandar terbabit.

Islam mengakui dan memberi hak, taraf dan fungsi kepada semua suku dan bangsa tanpa mengira sama ada mereka lelaki atau wanita di bandar yang penduduknya bersifat majmuk itu.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dianggotai 150 negara meskipun memberi hak serupa kepada anggotanya tetapi pada masa yang sama penjajah Inggeris-Amerika selepas Perang Dunia Kedua mewujudkan Majlis Keselamatan dalam PBB dengan kuasa pembatal.

"Badan inilah sebenarnya yang menguasai dunia selepas Perang Dunia Kedua dan menjadikan PBB sebagai Kerajaan Dunia yang mentadbir dunia mewakili kaum penjajah.

"Ideologi supra-nasional inilah yang menghakis faham kebangsaan atau

patriotisme dalam masyarakat kita dan ia juga selaras dengan ideologi Ikhwan`ul-Muslimin, juga sebenarnya dipelopori penjajah Inggeris-Amerika," katanya.

Dr Kassim menjelaskan, ideologi berkenaan boleh dikesan dari fikiran cerdik-pandai kaum aristokrat Inggeris-Amerika pimpinan ahli falsafah Inggeris, Bertrand Russel.

Aliran fikiran itu dikatakan menghasut Presiden Amerika, Harry Truman, untuk meletupkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki, ketika Kerajaan Jepun sudah memulakan rundingan menyerah kalah kepada pihak berikat.

"Tujuan puak ini dalam Kerajaan Inggeris dan Amerika Syarikat ialah untuk mengugut rakyat dunia dengan kemusnahan senjata nuklear yang baru mereka kuasai supaya mereka rela ditadbirkan badan supra-nasional, PBB," tegasnya.

Dr Kassim mendakwa, ideologi supra-nasional bersifat antinasionalisme itu diberi nafas baru selepas tamatnya Perang Dingin dengan keruntuhan Kesatuan Soviet, dalam ideologi globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Ideologi itu diutarakan cerdik pandai Barat dan sekutu mereka seperti Francis Fukuyama, Vaclav Havel, Jean-Mario Guenheno dan Kenichi Ohmae dan kemuncak gerakan kolonialisme dimulakan kuasa Eropah sejak 500 tahun dulu.

Justeru, katanya, patriotisme dan perpaduan amat penting manakala satu ideologi yang bertunjangkan kebenaran dan keadilan diperlukan bagi membela dan memperjuangkan hak kita sebagai seorang individu dan sebuah bangsa.

Dr Sidek pula, percaya Malaysia mampu muncul sebagai negara contoh kalangan negara Islam di seluruh dunia pada masa depan, sekalipun Islam di negara ini belum lagi ditampilkan secara penerokaan bersungguh-sungguh.

"Malaysia boleh muncul sebagai negara model Islam terbaik di dunia berbanding Arab Saudi, Pakistan, Maghribi mahupun Brunei sekiranya negara ini kembali kepada ilmu, ketrampilan, sains dan teknologi" tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Baha Zain mengenai kemungkinan Malaysia menjadi model kepada negara Islam sekalipun hasil buminya tidak seberapa berbanding negara Islam lain.

Pertanyaan wakil dari Majlis Kebudayaan Selangor (MKN), Dr Ahmad Razali Yusof, kemungkinan bahawa Islam menjadi punca perpecahan kepada orang Melayu di Malaysia turut dinafikan Dr Sidek.

"Islam membawa salam kesejahteraan dan semangat itu yang sepatutnya dihayati umatnya. Ia bukannya punca perpecahan kepada dua parti Melayu yang berbalah pada masa ini," ujarinya.

Dr Sidek turut menjelaskan bahawa patriotisme tidak ditentang dan relevan dalam Islam selagi ia tidak memuliakan bangsa dan tanah air sehingga mengatasi kemuliaan Allah swt.

"Dinamikanya Melayu kerana ia bersifat terbuka dan mampu membuka ruang untuk menerima elemen lain, asalkan tidak bercanggah dengan budaya serta agama mereka.

"Gelombang awal ketika orang Cina datang ke Tanah Melayu, menyaksikan mereka banyak melakukan asimilasi menurut budaya dan agama orang Melayu, sekalipun bangsa itu mempunyai tamadun yang besar," ujarinya.

Beliau turut mengajak khalayak wacana agar tidak melihat Islam secara sempit dan merenungi sejarah kemunculan Asia Barat sebagai satu tamadun besar pada zaman silam sekalipun kini ia menjadi pengukur setia kepada feudal Amerika.

"Kita mengekang potensi yang segar dan gerakan Islah ditekan supaya bersekolong dengan kuasa feudal. Bagaimana kita mahu jadi agen perubahan, jika pemikiran kita hanya dalam fardu ain saja," tegasnya.

Dr Sidek menjelaskan patriotisme adalah satu fitrah dan mengakui bahawa faktor bangsa sememangnya tidak boleh ditolak dalam membahaskan pembinaan negara bangsa.

Justeru gagasan umat Melayu Dr Burhanuddin Helmi paling baik dijadikan

panduan kerana ia membawa satu konsep yang mantap iaitu umat membawa konotasi alamiah manakala bangsa merujuk kepada rumpunan etnik.

"Konsep umat Melayu menggabungkan faktor bangsa dan Islam yang bersifat alamiah dan penyerapan agama ke dalam sanubari antaranya dapat dilihat dalam pembinaan rumah mereka.

"Tangga yang luas membawa maksud tersirat meraikan kedatangan tetamu, rumah ibu pula disediakan khusus untuk `kediaman' suami isteri manakala rumah dapur pula dikhususnya untuk gadis datang bertandang," ujarnya.

Selain itu, pepatah petiti orang Melayu dikatakan turut diikat dengan roh Islami dan mengemukakan nilai murni sebagaimana dapat dilihat umpamanya melalui beberapa pantun berikut.